

PKS SALAH SATU TULANG BELAKANG EKONOMI NEGARA

October 1, 2016, Saturday
Oleh Agnes Tugong//

The Borneo Post



TAHNIAH: Riot (dua kanan) menyampaikan skrol kepada salah seorang peserta Program SME@UNIMAS pada Majlis Graduasi di UNIMAS semalam.

KUCHING: Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan salah satu daripada tulang belakang ekonomi dan penyumbang penting kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Richard Riot Jaem berkata, sektor PKS menyumbang 36 peratus daripada jumlah KDNK negara pada 2015 dengan eksport sebanyak 18 peratus.

Malah, katanya, 95 peratus daripada jumlah perniagaan dalam negara pada tahun 2015 merupakan PKS dan membuka 65 peratus peluang pekerjaan di Malaysia.

Manakala, di Sarawak pula, dianggarkan terdapat sebanyak 44,000 PKS atau tujuh peratus daripada keseluruhan PKS dalam negara.

“Sejajar dengan kepentingan serta sumbangan PKS kepada ekonomi negara, pembangunan modal insan merupakan elemen penting dalam memperkasakan keupayaan PKS.

“Sehubungan itu, saya menggesa semua PKS untuk mengambil langkah sewajarnya bagi memperlengkapkan tenaga kerja mereka dengan kemahiran yang berkaitan menerusi inisiatif seperti SME@University,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konvokesyen SME@UNIMAS 2016 di Dewan Syarahan PITAS UNIMAS di sini, semalam.

Mengulas mengenai inisiatif SME@University, Riot berkata, ia merupakan satu program dengan kerjasama antara SME Corp dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF).

Program itu, katanya, dibangun untuk menyediakan peluang pembelajaran kepada Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKS bagi membangunkan modal insan yang berkeupayaan.

“Terdapat 10 universiti terlibat dalam program ini dan saya difahamkan peserta program ini menunjukkan perkembangan dalam perniagaan mereka.

“Setakat hari ini (semalam), lebih daripada 200 graduan SME dilahirkan daripada program ini dan saya berharap ia akan menyumbang kepada sasaran 35 peratus tenaga kerja mahir negara menjelang 2020,” katanya.

Sementara itu Naib Canselor UNIMAS Datuk Dr Mohamad Kadim Suadi berkata, program SME@UNIMAS telah bermula pada 10 Jun dan berakhir 6 Ogos 2016 melibatkan 16 peserta di Bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS.

UNIMAS dipilih buat julung kalinya bersama sembilan universiti lain bagi melaksanakan program itu untuk melatih, memperkenalkan perubahan serta pembaharuan organisasi perniagaan kepada CEO PKS.

Program ini dijalankan selama tiga bulan dan mengandungi sembilan modul yang telah dibangunkan di peringkat konsortium termasuk penganjuran lawatan lapangan industri termasuk ke Guilin, China.

Turut hadir, CEO Pembangunan Sumber Manusia Berhad Datuk CM Vignaesvaran Jeyandran, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan Prof Madya Dr Mohammad Affendy Arip serta yang lain.